



IKAT JAMIN MAHKAMAH

(1) Apa Itu Ikat Jamin Mahkamah?

- ☀ Pelepasan sementara orang yang dituduh dengan mengemukakan cagaran yang mencukupi dan akujanji Penjamin untuk memastikan kehadiran orang yang dituduh pada setiap hari perbicaraan.
- ☀ Akujanji yang ditandatangani oleh Penjamin dipanggil bon jaminan.
- ☀ Syarat-syarat ikat jamin dan jumlah Penjamin adalah atas budi-bicara Mahkamah.

(2) Jenis-Jenis Kesalahan Yang Boleh Atau Tidak Boleh Diikat Jamin

a) Kesalahan-kesalahan yang boleh diikat jamin

Seseorang yang dituduh dengan satu kesalahan di bawah kategori ini adalah berhak untuk dilepaskan dengan ikat jamin. Apabila seseorang itu dituduh di Mahkamah, Mahkamah akan menentukan jumlah ikat jamin. Sesiapapun boleh menjadi Penjamin kepada Tertuduh. Jika tiada Penjamin, Tertuduh akan ditahan di Penjara sehingga kes selesai dibicarakan.

b) Kesalahan-kesalahan yang tidak boleh diikat jamin

Kesalahan yang membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup adalah merupakan kesalahan yang tidak boleh diikat jamin. Walau bagaimanapun, ikat jamin masih boleh dipohon dan dibenarkan atas budi-bicara Mahkamah.

c) Kesalahan-kesalahan yang tidak boleh diikat jamin langsung

Kesalahan-kesalahan seperti:

- a) kes pengedaran dadah di bawah seksyen 39B Akta Penculikan 1961;
- b) kes-kes penculikan yang membawa kepada hukuman mati di bawah seksyen 3 Akta Penculikan 1961;
- c) seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971; dan
- d) kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati dan penjara seumur hidup di bawah seksyen 57 hingga 62 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau kesalahan-kesalahan yang diperakukan oleh Peguam Negara sebagai kesalahan keselamatan di bawah Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Perlu (Kes-Kes Keselamatan) 1975,

(3) Apakah Syarat-Syarat Untuk Menjadi Seorang Penjamin?

- a) Seorang dewasa (berumur 18 tahun ke atas);
- b) Seorang warganegara (jika bukan warganegara ia tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Mahkamah);
- c) Bagi orang yang dituduh berbangsa asing, Penjamin hendaklah seorang warganegara Malaysia;
- d) Berkemampuan mengemukakan jumlah ikat jamin yang ditetapkan oleh Mahkamah;
- e) Faham semua syarat ikat jamin yang ditetapkan oleh Mahkamah;
- f) Menandatangani bon jaminan; dan
- g) Apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Mahkamah.

(4) Apakah Bentuk-Bentuk Cagaran Yang Diterima?

- a) Akaun Simpanan Tetap; atau
- b) Akaun Simpanan;
 - i) Tanpa kad ATM, jika ada, kad tersebut hendaklah diserahkan kepada Mahkamah.
 - ii) Akaun tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain bagi tujuan jaminan sahaja.
 - iii) Jumlah yang tertera di dalam buku simpanan mestilah menunjukkan jumlah terkini pada tarikh permohonan ikat jamin dibuat dan jumlahnya hendaklah mencukupi dengan jumlah ikat jamin yang ditawarkan; atau

(5) Bagaimana Cara-Cara Menguruskan Ikat Jamin?

- a) Ikat jamin akan diproses di Pejabat Pendaftaran Mahkamah yang berkenaan.
- b) Penjamin hendaklah mengemukakan seperti yang berikut:
 - i) Kad Pengenalan Penjamin; dan
 - ii) Buku akaun simpanan/akaun simpanan tetap bagi tujuan ikat jamin
- c) Penjamin dan orang yang dituduh akan diterangkan syarat-syarat ikat jamin oleh Pendaftar/Majistret. Penjamin dan orang yang dituduh akan melaksanakan bon jaminan tersebut.
- d) Penjamin akan diberikan satu surat rujukan dan ia hendaklah disimpan dengan baik untuk apa-apa urusan yang berkaitan dengan ikat jamin tersebut.

(6) Apakah Tanggungjawan Penjamin?

Tanggungjawab utama seorang Penjamin ialah menentukan kehadiran Tertuduh di Mahkamah pada tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah.

(7) Apakah Risiko Penjamin?

Jika Penjamin gagal mematuhi mana-mana syarat jaminan, jaminan boleh dilucuthak oleh Mahkamah. Penjamin akan diberi peluang untuk memberi penjelasan mengapa ikat jamin tidak patut dilucuthak oleh Mahkamah. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk memutuskan sama ada untuk melucuthak keseluruhan jaminan atau sebahagiannya atau tidak sama sekali.

PENAFIAN:

Maklumat yang dipaparkan ini bukan merupakan nasihat undang-undang dan hanya merupakan panduan sahaja. Jika anda memerlukan nasihat undang-undang, anda dinasihatkan merujuk kepada peguam.